



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI HARTAMAS

Jalan 48/70A, Desa Sri Hartamas, 50480 Kuala Lumpur.

TEL : 03-62030048 FAX : 03-62030096

Rujukan kami : SMKSH.100-7/1/7

Tarikh : 21 Jun 2018

Kepada,  
Semua Ibu bapa / penjaga  
SMK Seri Hartamas

Tuan/Puan,

- i. MAKLUMAN MENGENAI PERUBAHAN JADUAL WAKTU PERSEKOLAHAN 2018
- ii. MAKLUMAN MENGENAI WAKTU KELAS BIMBINGAN PT3 DAN SPM 2018
- iii. MAKLUMAN MENGENAI PROGRAM RIMUP: SAMBUTAN HARI RAYA

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. **PERKARA i dan ii : PERUBAHAN JADUAL WAKTU PERSEKOLAHAN 2018 / WAKTU KELAS BIMBINGAN PT3 DAN SPM 2018**

Dimaklumkan bahawa mulai 2 JULAI 2018, jadual waktu persekolahan dan waktu kelas Bimbingan adalah seperti berikut:

HARI	WAKTU PERSEKOLAHAN (BAGI SEMUA PELAJAR)		KELAS BIMBINGAN PT3 DAN SPM (HANYA BAGI SEMUA TING 3 DAN 5) Jadual Kelas Bimbingan diberi kepada pelajar Ting 3 dan 5	
	MULA	TAMAT	MULA	TAMAT
ISNIN	7.20 PAGI	2.30 PTG	2.45 PTG	3.45 PTG
SELASA	7.20 PAGI	2.30 PTG	2.45 PTG	3.45 PTG
RABU	7.20 PAGI	2.30 PTG	2.45 PTG	3.45 PTG
KHAMIS (Waktu Koko khamis pagi telah tamat)	7.20 PAGI	1.50 PTG	2.10 PTG	3.10 PTG
JUMAAT	7.20 PAGI	12.30 TGH	TIADA KELAS BIMBINGAN	

**PERKARA iii : PROGRAM RIMUP: SAMBUTAN HARI RAYA PERINGKAT SEKOLAH**


Dimaklumkan bahawa sekolah akan mengadakan Sambutan Hari Raya Peringkat Sekolah yang merupakan salah satu Program Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP), pada 29 Jun 2018 (Jumaat). Semua pelajar dibenarkan memakai pakaian tradisional sepanjang hari tersebut. Waktu persekolahan adalah seperti biasa. Majlis sambutan akan diadakan selepas waktu rehat.

3. Semoga maklumat ini mendapat perhatian daripada tuan/puan. Pihak sekolah juga berharap mendapat kerjasama tuan/puan untuk memastikan kehadiran anak-anak ke sekolah pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

  
NUR SALMI BT ABD RAHMAN  
Penolong Kanan Tadbir & Kurikulum  
b/p. Pengetua  
SMK Seri Hartamas  
Kuala Lumpur